

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HIS 203 Fiqh Ibadat

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab EMPAT (4) soalan, SOALAN NO. 1 WAJIB dijawab dan TIGA (3) soalan yang lain. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Anda hendaklah menjawab dengan terperinci serta mengemukakan dalil-dalil yang kukuh daripada al-Quran dan al-Hadith.

1. Kemantapan sesuatu ibadah itu bergantung kepada kesepaduan tiga aspek yang penting iaitu aqidah, syariah dan rohaniah. Bincangkan.
2. Ibadah Solat merupakan asas perhubungan yang terpenting antara hamba dengan Khaliqnya. Pengabaian terhadap ibadah ini akan memberi kesan buruk terhadap kehidupan seseorang. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan dua daripada perkara-perkara berikut:
  - [a] Solat sebagai asas penghayatan iman.
  - [b] Akibat terhadap kelalaian ibadah solat.
  - [c] Hubungan solat dengan ibadah-ibadah lain.
  - [d] Kesepaduan ibadah solat dengan sifat-sifat rohaniah.
3. Islam sebagai al-Din tercakup di dalam fardu 'ain dan fardu kifayah. Kedua-duanya merupakan tuntutan yang berterusan ke atas individu dan masyarakat Islam. Bincangkan.

4. Kesepaduan antara rukun iman dan Islam adalah irat. Berdasarkan ini bincangkan dua (2) daripada perkara-perkara berikut:
- [a] Hubungan sesuatu ibadah dengan iman, Islam dan ihsan.
  - [b] Islam bermula daripada aqidah; namun aqidah tidak dapat berdiri sendiri.
  - [c] Ibadah-ibadah khusus adalah asas pembangunan **TAQWA**.
5. Bincangkan dua daripada perkara berikut dengan mengambil kira falsafah dan keberkesanan ibadah berkenaan:
- [a] Puasa dan Taqwa
  - [b] Zakat dan kebajikan ummah
  - [c] Haji dan perpaduan umat Islam sejagat.

-ooo000ooo-